

INISIATIF NO.3 (ii): PEREKAYASAAN

BAHAGIAN/NEGERI : BUBPK

TAHAP 1 (KENAL PASTI BPR SEDIA ADA)

Tajuk Perekayasaan:-

Penggunaan JNilai Dalam Proses Penilaian Tender Kecil Di Jabatan Pengairan & Saliran Malaysia

Proses Perekayasaan:-

Proses perekayasaan yang dipilih adalah merupakan perkhidmatan utama Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak dalam penyediaan dokumen Penilaian Tender bagi tender-tender kerja di Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Proses penyediaan dokumen Penilaian Tender mengambil masa selama 37 hari iaitu 1 bulan 1 minggu. Proses ini bermula daripada aktiviti penerimaan Dokumen Tender dari Unit Tender yang mengambil masa selama 1 hari. Seterusnya aktiviti pengisian maklumat petender dalam Lampiran Cut-Off meliputi 2 hari. Maklumat petender yang diambil adalah daripada Jadual Tender. Seterusnya aktiviti ke-3 adalah kenalpasti senarai pendek petender yang akan dinilai dan seterusnya Pegawai Penilai mengemukakan data kepada ahli jawatankuasa untuk disenarai pendek meliputi 1 hari.

Aktiviti ke-4 adalah penilaian menggunakan Pakej Penilaian Tender Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan seterusnya aktiviti ke-5 iaitu penyediaan Laporan Penyediaan Tender secara manual di mana pengesahan bank/ penyata kewangan syarikat/ kemudahan fasiliti bank dan juga semakan prestasi kerja semasa. Semakan pendaftaran syarikat juga dilakukan melalui online lamanweb CIDB dan SSM bagi tujuan kesahihan dan tarikh luput pendaftaran syarikat. Pengesahan melalui telefon juga digunakan bagi tujuan mempercepatkan pengesahan akaun bank/ penyata kewangan syarikat. Pada peringkat aktiviti ke-4 dan ke-5 ini yang telah dikenalpasti telah mengambil masa yang lebih lama. Selain itu, kelewatan penyediaan laporan juga melibatkan pengisian data dalam pakej Penilaian Tender sedia ada di jabatan. Ini terjadi apabila terdapat banyak data yang perlu dimasukkan adalah terlalu banyak dan data kos yang dipuratakan perlu dianalisa satu persatu.

Selain itu, format pelaporan yang dihasilkan adalah tidak seragam.

Nota:

- Adakah proses yang dipilih melibatkan bidang/perkhidmatan utama pejabat?
- Senario proses sebelum BPR (tempoh masa, kos)